

**SPEECH BY DR MALIKI OSMAN, SECOND MINISTER FOR EDUCATION, AT THE  
MALAY FINESSE FIESTA 2022**

Anggota Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), Para guru, ibu bapa, pelajar dan hadirin sekalian.

Melati kuntum tumbuh melata,  
Sayang merbah di pohon cemara;  
Salam sejahtera mulanya kata,  
Sebagai pembuka awal bicara.

**PENGENALAN**

1. Sebelum saya memulakan bicara, saya ingin meminta maaf kerana tidak dapat bersama-sama para hadirin sekalian di Fiesta Kesantunan 2022 atas sebab tugas rasmi di luar negara. Pada masa yang sama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para hadirin kerana meluangkan masa untuk menghadiri acara ini yang merupakan salah satu daripada program unggul Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).
2. Secara peribadi, saya amat terkesan akan tingginya nilai kesantunan Melayu kita. Pandangan ini ada saya kongsikan dalam satu rencana yang bertajuk ‘Indahnya Bahasa Melayu Terap Kesantunan’ yang diterbitkan di Berita Harian pada 1 Jun 2021. Saya cukup terpesona dengan keindahan bahasa Melayu dalam menyampaikan makna yang mendalam secara halus dan disesuaikan dengan nilai-nilai murni masyarakat kita.

**FIESTA KESANTUNAN 2022**

3. Hadirin sekalian, Projek Kesantunan Melayu yang diterajui Profesor Madya Dr. Hadijah Rahmat dari Institut Pendidikan Nasional (NIE) bermula pada tahun 2012.

Fiesta Kesantunan Melayu pula merupakan salah satu daripada aktiviti teras projek ini semenjak tahun 2017.

4. Tahun ini merupakan tahun ketiga acara ini dianjurkan. Pastinya, Fiesta Kesantunan pada tahun ini merupakan acara yang lebih istimewa kerana selepas lebih daripada dua tahun kita tidak bersua muka, kini dapatlah kita berinteraksi dan berhubungan dalam acara fizikal ini. Antara kelainan yang ada pada acara kali ini ialah dua aktiviti utama, iaitu pertandingan-pertandingan tentang adab dan kesantunan Melayu untuk para pelajar peringkat sekolah rendah hingga maktab rendah dan percubaan untuk mencatat rekod baharu, ‘Pantun Ciptaan Asli Terbanyak Singapura’ dalam *Singapore Book of Records*.
5. Dianjurkan khusus bagi penyertaan para pelajar sekolah rendah, Peraduan Skit Pendek memberikan peluang untuk pelajar memaparkan kreativiti mereka melakonkan senario ringkas berkaitan aspek kesantunan. Peraduan Skit *Tik Tok* bagi para pelajar sekolah menengah pula merupakan paparan lakonan pendek berkenaan etika dan adab ketika menziarahi rumah. Selanjutnya, Peraduan *Ted Talk* bagi para pelajar prauniversiti membentangkan para pelajar menyampaikan ucapan tuntas berkaitan pandangan mereka tentang kesantunan sebagai tatacara kehidupan masyarakat Melayu.
6. Hadirin sekalian, saya berasa bangga apabila dimaklumkan bahawa sebanyak 40 buah sekolah telah menyertai peraduan-peraduan ini. Syabas, saya ucapkan kepada semua pelajar atas usaha dan ikhtiar mereka. Semoga para pelajar dapat menjadikan pengalaman mereka ini sebagai pemangkin untuk terus menyemai minat dan kecintaan terhadap bahasa, budaya dan warisan Melayu kita.
7. Mencipta rekod ‘Pantun Ciptaan Asli Terbanyak Singapura’ bagi *Singapore Book of Records* merupakan aktiviti teras kedua untuk fiesta ini. Aktiviti ini bertujuan untuk melestarikan tradisi berpantun yang merupakan suatu yang lumrah bagi masyarakat Melayu lama. Pantun merupakan pengucapan lahir batin orang Melayu. Sehubungan dengan ini, tradisi pantun patut dikekalkan agar pandangan dunia orang Melayu dari

sudut budi bahasa, kebijaksanaan dan kiasan serta makna bagi menyampaikan nasihat dan tunjuk ajar yang bernilai dapat disebarluaskan.

### **MENYEMAI NILAI DALAM KESANTUNAN DENGAN CARA KREATIF**

8. Seiring dengan perkembangan teknologi dan media, kita juga harus berkembang dalam cara kita menyampaikan pembelajaran tentang adab, nilai dan kesantunan Melayu kepada anak-anak kita. Saya menggalakkan para guru dan hadirin sekalian agar memikirkan cara-cara yang kreatif serta wadah-wadah yang terkini ketika kita melaksanakan usaha ini.

### **PENUTUP**

9. Akhir kata, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Fiesta Kesantunan 2022 ini. Semoga usaha ini meneruskan ikhtiar kita untuk membentuk generasi Melayu yang beradab sopan dan berhemah tinggi. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkanlah saya berkongsi serangkap pantun warisan kita:

Yang kurik itu kundi,  
Yang merah itu saga;  
Yang baik itu budi,  
Yang indah itu bahasa.

10. Terima kasih.